

SOALAN NO: 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA. PENGGAL KEEMPAT.
PARLIMEN KETIGA BELAS.
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN WILSON UGAK KUMBONG

TARIKH: 15 MAC 2016

SOALAN:

Tuan Wilson Ugak Kumbong [Hulu Rejang] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan:

- (a) sejauh manakah keberkesanan Pusat Pengurusan Pekerja Malaysia, untuk membendung ejen tidak berdaftar membawa pekerja dari Sarawak ke Iuar negara; dan
- (b) adakah Kementerian berhasrat meminda Undang-undang Buruh contohnya Ordinan Buruh Sarawak untuk memantapkan pengawalan rakyat Sarawak dibawa keluar bekerja di Iuar negara oleh ejen berdaftar dan tidak berdaftar.

PR-1341-L71624

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Pusat Pengurusan Pekerja Malaysia Luar Negara adalah satu unit yang ditubuhkan di bawah seliaan Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan di Jabatan Tenaga Kerja Sarawak. Ia berfungsi dan berperanan untuk memberi kesedaran kepada para pencari kerja yang berhasrat untuk bekerja di Iuar negara.
2. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Unit tersebut, antaranya melaksanakan promosi melalui media dan menggunakan risalah-risalah kepada orang awam bagi meningkatkan kesedaran berkenaan hak-hak mereka semasa bekerja di Iuar negara, Selain itu rakyat Sarawak terutamanya golongan yang ingin bekerja atau yang ditawarkan bekerja di Iuar negara dinasihatkan untuk melaporkan kepada Jabatan Tenaga Kerja Sarawak bagi tujuan rekod dan pemantauan.
3. Rakyat Sarawak dinasihatkan agar lebih berwaspada dengan mana-mana tawaran bekerja di Iuar negara bagi mengelakkan sebarang penipuan dan mereka dinasihatkan untuk mendapatkan pekerjaan melalui agensi pekerjaan swasta yang berlesen dan berdaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja. Golongan ini perlu memastikan bahawa tawaran pekerjaan tersebut adalah melalui ejen

berdaftar atau majikan yang sah dan mengelakkan orang perseorangan sebagai medium perantaraan.

1. Langkah promosi bagi mempertingkatkan kesedaran tersebut sedikit sebanyak telah menampakkan hasil yang positif berdasarkan kepada statistik pekerja Sarawak yang bekerja di Singapura yang membuat aduan kepada Atase Buruh Malaysia di Singapura yang mana terdapat penurunan dari tahun ke tahun.

2. Pada tahun 2008 sebanyak 549 aduan daripada rakyat Sarawak yang bekerja di Singapura telah diterima oleh Atase Buruh di Singapura. Kadar ini telah menurun kepada hanya 9 kes aduan yang diterima pada tahun 2015.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Pada masa sekarang Kementerian Sumber Manusia belum berhasrat untuk meminda Ordinan Buruh Sarawak untuk memantapkan pengawalan rakyat Sarawak dibawa keluar bekerja di luar negara oleh Agensi Pekerjaan yang tidak berdaftar atau berdaftar kerana perkara tersebut dikawal melalui Penguatkuasaan Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981.

